

Kenyataan Media

Press Release

Untuk Siaran Segera

KEMUDAHAN JALUR LEBAR KINI BERKEMBANG KE NEGERI MELAKA

Melekek, Melaka, 18 April 2009 – Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah melancarkan Pusat Jalur Lebar Komuniti di Kampung Melekek, daerah Alor Gajah yang merupakan salah sebuah daripada Projek Pusat Jalur Lebar Komuniti bagi negeri Melaka.

Majlis pelancaran tersebut telah dirasmikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka Yang Berhormat Datuk Wira Omar Bin Kaseh mewakili Ketua Menteri Melaka YAB Datuk Seri Mohd. Ali Bin Mohd. Rustam dan disaksikan oleh Datuk Dr Halim Shafie, Pengerusi Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia. Turut hadir adalah ketua-ketua jabatan Kerajaan peringkat negeri dan daerah, ketua-ketua kampung dan komuniti setempat Kampung Melekek di daerah Alor Gajah.

Projek Pusat Jalur Lebar Komuniti adalah di bawah Program Pemberian Perkhidmatan Sejagat (PPS) yang dikendalikan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Program ini memberi fokus kepada pemberian perkhidmatan capaian internet secara kolektif kepada kawasan yang kurang liputan perkhidmatan.

Program ini juga bertujuan untuk mencapai pembangunan yang sama atau seimbang di antara kawasan-kawasan serta kumpulan masyarakat supaya jurang digital di antara mereka yang kaya maklumat dengan mereka yang kurang maklumat dapat dirapatkan.

Kenyataan Media

Press Release

Seperti yang diketahui umum, negeri Melaka yang kaya dengan sejarah Kesultanan Melayu merupakan antara tumpuan utama bagi lokasi pelancongan negara. Oleh itu, faktor ini menguatkan lagi keperluan menyediakan prasarana komunikasi ke seluruh negeri Melaka sekaligus membantu usaha Kerajaan Negeri mempromosikan Melaka ke seluruh pelusuk dunia.

Penyediaan Pusat Jalur Lebar Komuniti ini dilihat sebagai salah satu alternatif bagi memenuhi objektif Program Pemberian Perkhidmatan Sejangat (PPS). Inisiatif ini juga selaras dengan usaha Kerajaan Negeri Melaka yang memberi perhatian serius dalam pembangunan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) bagi tujuan menjadikan masyarakat Melaka sebuah masyarakat yang berilmu. Selain itu, usaha ini juga jelas membuktikan komitmen SKMM dan Kerajaan Negeri ke arah memajukan bidang ICT, terutamanya dalam menjadikan masyarakat Melaka sebuah masyarakat yang celik IT.

Di negeri Melaka, terdapat dua daerah yang telah dikenalpasti sebagai daerah sasaran Program Pemberian Perkhidmatan Sejangat (PPS) iaitu daerah Alor Gajah dan Jasin.

Bagi daerah Alor Gajah, sebanyak 10 PJK sedang dilaksanakan bagi Fasa I iaitu di Tanjung Rimau, Sg Baru Ulu, Macap, Pagoh, Rembia, Sg Baru Ilir, Taboh Naning, Melaka Pindah, Melekek dan Brisu. Bagi projek Fasa ke 2 pula, sebuah lagi PJK akan dilaksanakan di Masjid Tanah.

Kenyataan Media

Press Release

Manakala bagi daerah Jasin, sebanyak 2 PJK akan dilaksanakan iaitu di Rim dan Umbai. Projek ini dijangka bermula pada pertengahan suku kedua dan dijangka siap awal suku ke empat tahun 2009.

Hingga akhir tahun 2008, kadar penembusan jalur lebar negara adalah sebanyak 21.1 peratus bagi setiap isi rumah dan bagi negeri Melaka, kadarnya adalah lebih tinggi iaitu 21.4 peratus bagi setiap 100 isi rumah. Ini jelas menunjukkan kesediaan negeri Melaka untuk maju setapak lagi dalam usaha membudayakan ilmu pengetahuan ke arah membina modal insan yang berkualiti, yang mampu bersaing dan berjaya di arena tempatan mahupun antarabangsa.

Pusat Jalur Lebar Komuniti ini diwujudkan untuk membantu masyarakat dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang ICT. Pelaksanaan Pusat Jalur Lebar Komuniti ini akan memberi pengalaman kepada penduduk luar bandar merasai keseronokan menggunakan kemudahan internet jalur lebar seterusnya menggalakkan mereka untuk memiliki kemudahan jalur lebar di rumah mereka sendiri. Pusat ini akan dilengkapi dengan perkakasan IT terkini dan sambungan Internet berkelajuan tinggi untuk membolehkan masyarakat luar bandar mendapat pendedahan kepada teknologi terkini dan komunikasi Internet.

Bagi memastikan pembangunan modal insan yang terancang, pusat ini turut akan menawarkan latihan dan kursus-kursus yang berasaskan IT secara percuma. Pengurus dan penyelia yang berkecualan telah dilantik secara sepenuh masa bagi menguruskan dan menyelenggara peralatan di Pusat Jalur Lebar Komuniti ini.

Kewujudan Pusat Jalur Lebar Komuniti diharap dapat membantu warga Melaka memanfaatkan kemudahan yang sedia ada secara positif bagi

Kenyataan Media

Press Release

meningkatkan pengetahuan dan seterusnya meningkatkan taraf ekonomi mereka.

Selain daripada pelaksanaan Pusat Jalur Lebar Komuniti ini, terdapat satu lagi inisiatif yang akan dilaksanakan oleh SKMM di bawah Program Pemberian Perkhidmatan Sejangat (PPS) iaitu pelaksanaan Perpustakaan Jalur Lebar (PJL). PJL ini memberi fokus kepada pemberian perkhidmatan capaian internet secara kolektif kepada perpustakaan yang terletak di kawasan yang kurang liputan perkhidmatan.

Sebanyak 44 buah perpustakaan di seluruh negara telah dipilih untuk perlaksanaan dan telah memulakan operasi pada pertengahan 2007. Perlaksanaan tersebut merangkumi 25 buah perpustakaan di Sarawak, 10 di Selangor, 3 di Terengganu, 3 di Johor, dan masing-masing 1 di Sabah, Kedah dan Pahang. Bagi negeri Melaka, sebanyak lima Perpustakaan Jalur Lebar akan dilaksanakan. Pelaksanaan Perpustakaan Jalur Lebar ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan bagi melahirkan golongan celik IT dikalangan komuniti luar bandar.

[Tamat]

Nota kepada Editor:

¹ Sekiranya organisasi anda ingin memetik kenyataan daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk sesuatu artikel mahupun bahan berita, petikan tersebut haruslah merujuk kepada SKMM sebagai sebuah organisasi dan bukan mana-mana pegawai SKMM melainkan sekiranya jurucakap rasmi SKMM ada dinyatakan di dalam kenyataan akhbar atau sebarang maklumbalas rasmi kepada media. Harap maklum. Terima kasih.

Mengenai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)

Kenyataan Media

Press Release

SKMM adalah sebuah badan berkanun ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 (AKM) yang melaksana dan mempromosikan matlamat dasar kebangsaan Malaysia bagi sektor komunikasi dan multimedia. SKMM mengawalselia dan menggalakkan pembangunan industri komunikasi dan multimedia yang merangkumi bidang telekomunikasi, penyiaran, dan juga perkhidmatan internet, pos dan pensijilan digital.

AKM mengadakan peruntukan kepada SKMM peranan melaksanakan dasar, manakala kuasa membuat keputusan tentang dasar diperuntukkan kepada Menteri. Menteri boleh juga mengeluarkan arahan mengenai dasar kepada Suruhanjaya.

Untuk maklumat lanjut, layari www.skmm.gov.my

Untuk penjelasan lanjut, sila hubungi:

Zeti Marziana Muhamed
Pengarah, Jabatan Komunikasi Korporat
Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia

Wan Seri Rahayu Wan Mohd Said
Jabatan Komunikasi Korporat
Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia

Effa Suria Mohd Zawawi
Jabatan Komunikasi Korporat
Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia

T: +603 8688 8000

F: +603 8688 1007

E: ccd@cmc.gov.my